

Pemetaan sempadan Malaysia/Thailand selesai

12 November 2015 – Sinar Harian



Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri (dua, kiri) bertanyakan sesuatu mengenai pagar sempadan yang memisahkan Malaysia dan Thailand ketika meninjau Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Malaysia-Thailand berhampiran pintu masuk ke Thailand melalui Padang Besar hari ini. - Foto Bernama



- Foto FB NRE

PADANG BESAR - Malaysia dan Thailand pada dasarnya telah mencapai persefahaman mengenai sempadan kedua-dua negara kecuali satu kawasan sepanjang 4.5 kilometer di Bukit Jeli, Tanah Merah, Kelantan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Ir Hamim Samuri berkata satu perjanjian persefahaman (MoU) mengenai keputusan pemetaan sempadan yang dijalankan bersama oleh kedua-dua negara sejak 1973 telah ditandatangani.

"Keseluruhan sempadan 656.8 km panjang dari Perlis ke Kelantan telah selesai ditanda kecuali satu kawasan di Bukit Jeli berlaku pertikaian tuntutan menyebabkan perbincangan mengenai kawasan itu terpaksa ditangguhkan.

"Sekarang kita bakal memasuki fasa menandatangani perjanjian persetujuan (MoA). Apabila MoA ditandatangani bermakna garis pemisah sempadan sepanjang 652.3 km yang menjadi pertikaian dianggap selesai," katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan pemetaan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) di sini, hari ini.

Hamim memuji sikap pihak berkuasa Thailand kerana memberi kerjasama baik membolehkan pemetaan dan menanda batu sempadan berjaya diselesaikan walaupun mengambil masa lama selain menyifatkannya sebagai kejayaan JUPEM. - Bernama